



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Dokumen Penjajaran Kurikulum

GEOGRAFI

TINGKATAN 2

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diajarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diajarkan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.1	Skala dan Jarak				
		1.1.1	Menyatakan jarak mutlak, jarak relatif, skala penyata, skala lurus dan pecahan wakilan.				
		1.1.2	Menerangkan jarak mutlak, jarak relatif, skala penyata, skala lurus dan pecahan wakilan.				
		1.1.3	Menggunakan skala penyata, skala lurus dan pecahan wakilan untuk menentukan jarak sebenar.				
		1.1.4	Menentukan jarak sebenar berpandukan skala pada peta.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.2	Peta Topografi				
		1.2.1	Menyatakan maksud peta topografi.				
		1.2.2	Mengenal pasti garisan timuran dan garisan utara dalam peta topografi.				
		1.2.3	Menyatakan rujukan grid				
		1.2.4	Menerangkan perbezaan kegunaan rujukan grid 4 angka dan 6 angka.				
		1.2.5	Menunjuk cara membaca rujukan grid 4 angka dan 6 angka untuk menentukan kedudukan dalam peta topografi.				
		1.2.6	Menganalisis hubungan kait ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya dalam peta topografi.				
		1.2.7	Mentafsir peta topografi secara keseluruhan.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: CUACA DAN IKLIM	2.1	Pengaruh Pergerakan Bumi Terhadap Cuaca dan Iklim	2.1	Pengaruh Pergerakan Bumi Terhadap Cuaca dan Iklim		
		2.1.1	Mengenal pasti dua cara pergerakan bumi.	2.1.5	Membahaskan kesan pergerakan bumi terhadap cuaca dan iklim.		
		2.1.2	Menerangkan tentang putaran bumi dan peredaran bumi.				
		2.1.3	Menunjukkan kesan putaran bumi.				
		2.1.4	Menunjukkan kesan peredaran bumi.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: CUACA DAN IKLIM	2.2	Cuaca dan Iklim di Malaysia	2.2	Cuaca dan Iklim di Malaysia		
		2.2.1	Mengenal pasti jenis dan ciri iklim di Malaysia.	2.2.4	Menilai kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim di Malaysia.		
		2.2.2	Menjelaskan ciri iklim khatulistiwa di Malaysia.	2.2.5	Merumuskan perubahan cuaca dan iklim di Malaysia.		
		2.2.3	Menghuraikan pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia di Malaysia.				
4.0	GEOGRAFI KAWASAN:ASIA	4.1	Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya Terhadap Kegiatan Manusia di Asia	4.1	Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya Terhadap Kegiatan Manusia di Asia		
		4.1.1	Mengenal pasti kepelbagaian iklim di Asia.	4.1.3	Menunjukkan negara di Asia yang mengalami iklim di zon iklim panas, zon iklim panas sederhana, zon iklim sejuk dan zon iklim sejuk sederhana.		
		4.1.2	Menerangkan ciri iklim di zon iklim panas, zon iklim panas sederhana, zon iklim sejuk dan zon iklim sejuk sederhana di Asia.	4.1.4	Membandingkan pengaruh iklim terhadap kegiatan manusia di Asia.		

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
3.0	GEOGRAFI MANUSIA: PENGANGKUTAN DAN TELEKOMUNIKASI	3.1	Pengangkutan di Malaysia	3.1	Pengangkutan di Malaysia		
		3.1.1	Mengenal pasti jaringan jalan raya dan jaringan landasan kereta api di Malaysia.	3.1.3	Memberi contoh pengangkutan awam di Malaysia.		
		3.1.2	Mengenal pasti lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan utama di Malaysia.	3.1.6	Menilai kepentingan pengangkutan awam di Malaysia.		
		3.1.4	Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi jaringan pengangkutan di Malaysia.	3.1.7	Mencadangkan amalan pengangkutan dan perjalanan lestari.		
		3.1.5	Membezakan kepentingan pengangkutan darat, udara dan air di Malaysia.				
4.0	GEOGRAFI KAWASAN: ASIA	4.2	Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia	4.2	Jenis dan Kemajuan Pengangkutan di Asia		
		4.2.1	Mengenal pasti jaringan landasan kereta api, lapangan terbang antarabangsa dan pelabuhan utama di Asia.	4.2.3	Menilai kesan pengangkutan terhadap masyarakat, ekonomi dan alam sekitar di Asia.		
		4.2.2	Menghuraikan kemajuan pengangkutan di Asia.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
3.0	GEOGRAFI MANUSIA: PENGANGKUTAN DAN TELEKOMUNIKASI	3.2	Telekomunikasi di Malaysia	3.2	Telekomunikasi di Malaysia		
		3.2.1	Mengenal pasti alat telekomunikasi di Malaysia.	3.2.4	Menilai kesan telekomunikasi terhadap pembangunan negara di Malaysia.		
		3.2.2	Menerangkan kemajuan alat telekomunikasi di Malaysia.	3.2.5	Menentukan penggunaan alat telekomunikasi secara beretika.		
		3.2.3	Membahaskan kepentingan telekomunikasi di Malaysia.				
5.0	ISU DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR	5.1	Pemanasan Global	5.1	Pemanasan Global		
		5.1.1	Menyatakan konsep pemanasan global.	5.1.6	Membahaskan langkah-langkah mengurangkan pemanasan global.		
		5.1.2	Memberi contoh faktor yang menyebabkan pemanasan global.				
		5.1.3	Menghuraikan aktiviti manusia yang menyebabkan pemanasan global.				
		5.1.4	Menghuraikan faktor semula jadi yang menyebabkan pemanasan global.				
		5.1.5	Menilai kesan pemanasan global				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
5.0	ISU DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR	5.2	Teknologi Hijau	5.2	Teknologi Hijau		
		5.2.1	Menyatakan konsep teknologi hijau.	5.2.2	Menerangkan ciri-ciri produk teknologi hijau.		
		5.2.3	Menunjukkan contoh produk teknologi hijau.	5.2.5	Mencadangkan amalan berkonsepkan teknologi hijau.		
		5.2.4	Membahaskan kepentingan teknologi hijau.				
KERJA LAPANGAN GEOGRAFI			1. Mana-mana Tajuk/SK/SP di atas boleh dipilih untuk dijadikan tajuk Kerja Lapangan Geografi. 2. Cadangan peruntukan waktu melaksanakan Kerja Lapangan Geografi selama 5 jam daripada waktu yang diperuntukkan bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran Geografi. 3. Sekiranya berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pelaksanaan Kerja Lapangan Geografi boleh dilaksanakan secara tidak bersemuka. Murid boleh mengumpul data melalui <i>Google Form</i> , <i>Whatsapp</i> , <i>Telegram</i> , e-mel, panggilan telefon, <i>Google Meet</i> , <i>Zoom Meeting</i> dan sebagainya.				
Cadangan untuk pelaksanaan penjajaran kurikulum KSSM Geografi:							
1. Guru digalakkan untuk mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP (Pembelajaran Teradun: Pendekatan Modular, Pembelajaran Bersepadu, Pembelajaran Berasaskan Kerja Projek, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan lain-lain). 2. Bahagian Kemahiran Geografi perlu dilaksanakan dengan bimbingan guru secara bersemuka bagi membolehkan pengetahuan, kemahiran dan nilai asas dikuasai oleh murid. 3. Cadangan Pembelajaran Teradun melalui Pendekatan Modular dilaksanakan seperti Kandungan Asas SK 2.2 bagi tajuk Cuaca dan Iklim di Malaysia (SP 2.2.1, 2.2.2 dan 2.2.3) dan SK 4.1 bagi tajuk Kepelbagaian Iklim dan Pengaruhnya Terhadap Kegiatan Manusia di Asia (SP 4.1.1 dan 4.1.2) boleh diajarkan sekali. Kandungan Tambahan iaitu SP 2.2.4, 2.2.5, 4.1.3 dan 4.1.4 boleh diajarkan bersama-sama dengan Kandungan Asas atau dipilih untuk membuat Kerja Lapangan Geografi. 4. Selain itu, SK 2.2 bagi SP 2.2.4 boleh diajar bersama-sama dengan SK 5.1 iaitu SP 5.1.2 dan 5.1.3.							

Tajuk	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5. Guru boleh menambah baik pelaksanaan kurikulum KSSM Geografi Tingkatan 2 yang dicadangkan di atas mengikut aras kebolehan dan tahap keupayaan murid berdasarkan keadaan/situasi/isu yang dihadapi di peringkat sekolah.			

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917